



Wan Mohd  
Ruzlan  
Wan Omar

**S**udah banyak bukti memberikan kita pengajaran berguna bahawa apa jua kekurangan pada diri seseorang bukannya penghalang untuk mengecapi kejayaan.

Hal itu dapat kita saksikan sendiri bagaimana mereka yang berstatus orang kurang upaya (OKU) kini berjaya menginjakkan kaki ke menara gading.

Tidak kurang daripada golongan itu sudah memperoleh gred pencapaian yang jauh lebih tinggi berbanding rakan mereka yang normal.

Kini, mata kita semakin terbuka dan persepsi lama yang sering meremehkan kemampuan OKU dalam lapangan pendidikan semakin terhakis lantaran mereka ternyata lebih gigih dalam mengetepikan kekurangan diri untuk mencapai yang diimpikan.



KHAIRY bersama kontinjen  
Paralimpik Rio negara.

# Legenda Rio pembuka mata

Rio baru-baru sudah meng-gondol pingat emas. Tiga atlet paralimpik yang di-maksudkan itu Muhammad Ziyad Zolkefli, Mohamad Ridzuan Mohamad Puzi dan Abdul Latif Romly.

Muhamad Ridzuan rakyat Malaysia pertama meraih emas dalam acara pecut 100M T36, disusuli pula oleh Mohammad Ziyad menerusi acara lontar peluru. Abdul Latif Romly melengkapkan hari penuh bersejarah buat negara apabila anak muda itu berjaya menduduki podium

A. Metro  
2019/16  
ms 30-31

selaku juara dalam acara lompat jauh.

Menariknya, mereka me-mukau seluruh dunia dengan catatan rekod dunia yang baru. Bukan mudah buat se-seorang atlet bertanding di peringkat tertinggi dunia ini untuk memecah rekod dunia dan apa yang mereka laku-kan adalah bukti bahawa ke-tiga-ketiga anak muda Ma-laysia itu adalah 'The Le-gend'.

Misalnya, Abdul Latif Rom-ly, usahanya yang tidak kenal erti kecacatan diri berjaya melakukan tiga kali catatan rekod dunia yang baharu da-lam satu pertandingan. Hal ini benar-benar mengesah-kan yang anak muda berjiwa kental itu wira negara yang menjulang nama negara di persada sukan dunia.

Kejayaan ketiga-tiga anak muda Malaysia dalam Paralimpik Rio itu membuat seluruh rakyat jelata diselubu-angi rasa gembira yang bukan kepalang. Malah pemimpin

negara tidak putus meluahkan kenyataan rasa syukur dan gembira mereka dengan ke-jayaan yang diperoleh itu.

Menteri yang bertanggung-jawab secara langsung dalam sektor sukan, Khairy Jama-luddin Abu Bakar tentu ter-senyum tak putus-putus apabila tiga pingat emas ber-jaya diraih oleh atlet paralimpik Malaysia.

Dalam ulasannya, Khairy antara lain menyebut bahawa kejayaan Abdul Latif yang baru berusia 19 tahun dalam acara lompat jauh T20 (ma-salah pembelajaran) jelas ti-dak perlu diungkap dengan kata-kata, sebaliknya beliau lant as melabelkan Abdul Latif sebagai seorang legenda.

Dalam Laman Facebook-nya, Khairy dipetik menulis, "Tak payah tulis apa-apa lagi. Latif Romly, you are a legend (kamu adalah legenda). To-tally luar biasa super human."

Inilah serba sedikit cetusan rasa gembira pemimpin ne-gara dalam menyambut de-

tik-detik manis penuh gemi-lang buat negara apabila tiga atlet paralimpik dikalungkan pingat emas. Siapa tidak me-nitiskan air mata tatkala tiga kali Lagu NegaraKu berke-mundang di Bumi Rio, sekali gus meletakkan nama Ma-laysia sebaris dengan kehe-batan negara lain yang ber-tanding.

Kejayaan tiga anak muda Malaysia itu yang membo-lehkan mereka bakal menik-mati pelbagai insentif dan hadiah sumbangan daripada pelbagai pihak. Tidak perlu kita ulas lebih lanjut hal ini kerana mereka sememang-nya layak untuk mendapat-nya. Ini juga sebenarnya membuktikan bahawa nega-ra kita tidak pernah menga-malkan polisi diskriminasi dalam apa juga bidang ke-hidupan.

Apa yang perlu dan yang tinggal untuk dikupas seka-rang ialah kejayaan mereka seharusnya membuka mata seluruh rakyat jelata bahawa

Mereka berjaya tidak lain kerana semangat mereka kuat dan utuh. Mereka gigih tanpa jemu. Apa sahaja ha-langan dan kekangan, mere-ka ke tepi di pinggiran fikiran dan akhirnya mereka berjaya seperti rakan mereka yang normal.

Demikian juga dalam bi-dang yang lain, golongan OKU turut tampilkan diri menjadi insan hebat yang ti-dak pernah kenal erti kalah dalam memperjuangkan se-suatu hajat dan matlamat. Hal berkenaan terbukti apa-bila tiga atlet paralimpik yang bertanding di Bumi Brazil,

Rio baru-baru sudah meng-gondol pingat emas.

Jika dalam Olimpik Rio, ki-ta meraih pingat perak na-mun alhamdulillah syukur kerana atlet paralimpik membuktikan diri mereka wira negara dalam usaha memungut pingat emas yang sekian lama ditunggu-tunggu



MOHAMAD Ridzuan Mohamad Puzi (kiri) bersama Abdul Latif Romly.



## Tiga senario duka, tiga pendekatan berbeza

**M**inggu lalu, kita dikejutkan dengan laporan media mengenai nasib kira-kira 150 pelajar Malaysia yang menuntut di lapan universiti di Mesir berdepan kemungkinan disingkirkan daripada pengajian akibat kegagalan menyelesaikan tunggakan hutang berjumlah kira-kira RM4.5 juta.

Lebih menyedihkan, biarpun mereka adalah pelajar persendirian yang tidak menerima sebarang tajaan mana-mana pihak, bidang pengajian diambil bukan calang-calang, sebaliknya bidang pengajian kritikal dan profesional iaitu perubatan, farmasi dan pergigian.

Kegagalan mereka yang majoritinya sudah di penghujung tempoh pengajian sama ada tahun tiga, empat mahupun tahun akhir menyelesaikan tunggakan masing-masing boleh menyebabkan mereka tidak dapat menggenggam ijazah, sekali gus gagal bergelar doktor perubatan, doktor gigi mahupun ahli farmasi.

Lantaran keadaan begitu terdesak menyebabkan mereka bersama rakan-rakan yang bersimpati melancarkan program khusus mengutip dana bagi menyelesaikan tunggakan hutang pengajian dengan universiti masing-masing.

Setakat artikel ini ditulis, kumpulan pelajar terbabit masih belum dapat mengumpul dana diperlukan biarpun sebilangan kecil mereka sudah ada yang ditawarkan bantuan oleh syarikat swasta tertentu, tetapi belum ada maklum balas diterima daripada



UNIVERSITI al-Azhar di Mesir antara pusat pengajian pilihan pelajar Malaysia.

agensi kerajaan mahupun syarikat berkaitan kerajaan (GLC).

Walaupun tindakan mereka yang tetap mahu menyambung pengajian di Mesir tanpa memperoleh sebarang tajaan itu boleh dipertikaikan, ia sudah menjadi sejarah dan isu utama sekarang ialah pelajar terbabit bakal menjadi sumber manusia dan aset masa depan negara yang perlu segera dibantu termasuk dalam bentuk pinjaman.

Kumpulan pelajar terbabit kini begitu terdesak memerlukan bantuan

keuangan atau pinjaman segera yang jumlahnya tidaklah terlalu besar antara RM30,000 hingga RM60,000 atau RM70,00 seorang.

Itu senario pertama membabitkan sebahagian daripada rakyat kita yang terdesak memerlukan bantuan tatkala berdepan masalah ketika di negara orang.

Secara kebetulan minggu lalu berlaku senario kedua, juga membabitkan sebahagian daripada rakyat Malaysia yang memerlukan bantuan tatkala berdepan musibah ketika di ne-

gara orang, cuma bezanya kedua-dua kes berasingan itu, satu membabitkan lawatan sosial dan satu lagi masih tidak dapat dipastikan.

Kebetulan juga, kedua-dua kes itu berlaku di Sydney, Australia dengan kedua-dua rakyat Malaysia itu berdepan masalah kesihatan ketika di negara orang.

Yang agak mengejutkan bagi senario kedua itu, banyak pihak termasuk parti politik seakan berebut-rebut untuk cuba membantu menyelesaikan masalah dihadapi rakyat kita itu, tidak seperti dalam kes senario pertama tadi.

Senario ketiga pula membabitkan kematian seorang tokoh ulama dan pemimpin kanan sebuah parti politik yang menghembuskan nafas terakhirnya ketika menerima rawatan di sebuah hospital di Amerika Syarikat.

Biarpun keluarga tokoh berkenaan tidak mengharapkan bantuan daripada mana-mana pihak, maklum balas daripada pihak berkuasa untuk cuba menyediakan bantuan sesuai kepada keluarga tokoh itu nampak begitu pantas dan segera termasuk menawarkan jet untuk membawa pulang jenazah jika diperlukan.

Selepas meneliti ketiga-tiga senario di atas, penulis terfikir apakah kriteria yang menjadi pertimbangan dalam memberikan bantuan kepada rakyat yang memerlukan - darjat, aset masa depan negara atau apa?

**Penulis Pengarang Politik**  
**Harian Metro**

kejayaan dalam apa pun bidang mampu dimiliki oleh sesiapa pun asalkan ada keuletan. Tidak mustahil kejayaan bakal menjadi milik mereka. Inilah yang...

yaari bakal menjadi milik mereka. Inilah yang tiga atlet paralimpik itu sudah buktikan.

Selain itu, kejayaan tiga atlet paralimpik juga sepatutnya menyuntik semangat dan keazaman lebih jitu buat atlet sukan normal agar mereka tidak sekadar menjadi atlet pelengkap dalam sesuatu kejohanan yang disertai.

Olimpik 2020 bakal dilangsungkan di kota metropolitan Tokyo dan inilah ruang dan peluang yang seharusnya dijadikan azam buat atlet normal untuk membuktikan yang mereka juga anak-anak Malaysia yang mampu meraih pingat emas nanti.

Insya-Allah, kita mendoakan semoga atlet dalam apa juga jenis sukan akan terus memantapkan kualiti diri dengan mempertingkatkan sesi latihan yang bersistematik demi merealisasikan Malaysia bakal memperoleh pingat emas di Tokyo kelak.

Tidak ada yang mustahil dan bukan sesuatu yang ajaib kerana semangat dan kesungguhan boleh menjadi pemangkin kepada terhasilnya kejayaan yang diimpikan itu.

**Penulis Berkelulusan  
Sarjana Muda Sastera  
Pengkhususan Sejarah  
(Kepujian) UKM**